



**KENYATAAN MEDIA**  
**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**09 April 2020**

1. Alhamdulillah, dan dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Khamis, 15 Syaaban 1441 bersamaan 09 April 2020, **tidak ada kes baru** yang disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal sebanyak **135 kes**.
2. Sementara itu, sebanyak **1 kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 92 orang**.
3. Pada ketika ini, terdapat 42 kes yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan di mana 2 orang masih dalam keadaan kritikal dan keduanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine* (ECMO) di samping bantuan mesin pernafasan manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

4. Pada hari ini juga, jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah sebanyak **2,293 orang** dan hanya **91 orang** sahaja yang masih menjalani kurantin. Sementara itu, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 337 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 8,985 ujian.
  
5. Seperti yang dimaklumkan baru-baru ini, Kementerian Kesihatan dalam mempertingkatkan pemantauan penularan wabak COVID-19 di negara ini telah menjalankan ujian secara rambang (random) khususnya di kalangan pekerja-pekerja asing dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga di kalangan kumpulan-kumpulan tertentu. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa bagi tujuan surveilans ini, sejumlah 374 ujian telah dijalankan yang mana kesemua keputusan ujian adalah negatif setakat ini.
  
6. Seterusnya, dalam kebimbangan menghadapi penularan wabak jangkitan COVID-19, Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak lupa membuat kegiatan fizikal dan mengaktifkan diri sekurang-kurangnya 30 minit sehari bagi orang dewasa dan 60 minit sehari bagi kanak-kanak. Ini adalah untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan dan seterusnya bagi mencegah daripada penyakit-penyakit yang

tidak berjangkit yang boleh dikawal dengan membuat kegiatan fizikal. Aktiviti fizikal bolehlah dibuat di dalam rumah, di sekitar halaman rumah atau di taman-taman rekreasi secara persendirian dan bukannya secara berkumpulan dan sentiasa mengamalkan penjarakkan fizikal di antara orang di sekeliling.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 15 Syaaban 1441H / 09 April 2020